

# Bot karam: PM kesal pihak abai keselamatan

BH 29 MAY

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kajian perlu dijalankan bagi menentukan sama ada tindakan boleh diambil terhadap pemilik bot yang karam di Tasik Banding, Grik, Perak awal pagi semalam.

Perdana Menteri berkata, kajian akan dibuat terhadap pihak yang tidak menguatkuasakan pemakaian jaket keselamatan kerana ia wajib digunakan ketika menaiki bot.

“Kita akan kaji sama ada kita akan ambil tindakan terhadap mereka kalau mereka tidak menguatkuasa pemakaian jaket keselamatan. Ini amat penting sekali,” katanya sambil membidas sikap sesetengah pihak yang memandang ringan soal itu.

Beliau berkata, arahan penggunaan jaket keselamatan sudah lama dike-

luarkan tetapi sesetengah pihak sama ada pemilik bot tidak menguatkuasakannya atau penumpang memandang ringan.

“Dia tengok banyak jaket keselamatan...dia tak pakai. Kata ini tak apa...itulah jadi (lemas),” katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah Pusat Komuniti milik Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di Bukit Kiara dekat sini.

Dr Mahathir mengulas kejadian bot yang membawa 14 peserta kursus motivasi karam dalam perjalanan pulang dari Kampung Pulau Chueh ke Pulau Peladang, berhampiran Pulau Banding, kira-kira 40 kilometer dari Grik, jam 2.30 pagi semalam.

Lapan orang berusia antara 20-an hingga 30-an lemas.

Siasatan awal polis mendapati bot itu dipercayai terbalik kerana membawa lebih muatan selain penumpang bot dikatakan tidak memakai jaket keselamatan. Bot sepanjang 7.3 meter dan lebar 1.3 meter terbabit dikatakan hanya mampu membawa lapan penumpang maksimum.

**LIHAT MUKA 11**

# PM mahu pemakaian jaket keselamatan jadi amalan

BH 29 MAY 2002

DARI MUKA 1

Dr Mahathir berkata pemilik bot dimestiakan menyediakan jaket keselamatan dan ini mesti dipakai penumpang.

"Selalu kita nasihat supaya orang memakai jaket keselamatan, ini mesti dijadikan satu amalan apabila menaiki bot. Harga jaket ini bukan mahal dan sesiapa pun boleh beli. Bila naik bot selalu pakai jaket keselamatan.

"Saya sendiri kalau naik bot, saya pakai jaket keselamatan. Kalau saya naik bot besar, lepas itu nak turun, nak naik bot kecil nak pergi ke pantai, saya pakai jaket keselamatan.

"Itu jadi satu amalan. Orang Malaysia patut jadikan itu sebagai satu amalan. Kita tak tahu, bila nak jadi bencana seperti yang kita lihat. Kalau kita jatuh, macam saya...saya tak boleh berenang, jadi saya takut sangatlah kalau jatuh dalam air, saya tenggelam.

"Sebab itu saya pakai, kalau orang yang pandai berenang pun mesti pakai jaket keselamatan. Ini adalah satu amalan yang baik, bukan susah nak pakai jaket keselamatan. Bila naik saja bot, pakai dan setiap bot mesti sediakan jaket keselamatan," katanya.

Sementara itu, Persatuan Agensi Pelancongan Bumiputera (Bumitra) menyeru kerajaan menelaraskan segera pengeluaran lesen bagi semua bot untuk mengangkut pelancong di kawasan pusat peranginan sama ada tasik atau pulau supaya isu pertindihan dari aspek 'penguatkuasaan' tidak berbangkit.

Presidennya, Datuk Yaakub Shah Mohd Ali Shah berkata ketika ini masih wujud persoalan jabatan mana yang harus dipertanggungjawabkan bagi mengeluarkan lesen berkenaan, sehingga mengakibatkan kelemahan dari segi penguatkuasaan terutama berhubung keselamatan pelancong yang menggunakan bot.

Kalau boleh semua urusan ini diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya tidak diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia atau Polis Marin.

"Ini kerana agensi berkenaan mempunyai skop begitu luas, sehingga tidak tahu siapa yang harus dipertanggungjawabkan menguatkuasakan peraturan terhadap bot pelancong terutama penggunaan jaket keselamatan atau membawa penumpang secara berlebihan yang acap kali menjadi isu utama apabila berlaku kematian seperti di Tasik Banding, Perak," katanya kepada *Berita Harian*.

Ahli Parlimen Grik, Datuk Khamsiyah Yeop yang juga Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, berkata syarat lesen bot terutama yang membabitkan perkhidmatan pengangkutan awam perlu diperketatkan.

Katanya, pihak yang mengawal pengeluaran lesen bot perlu memberi penekanan kepada aspek keselamatan bot dan penumpang bagi memastikan lesen yang diluluskan mencapai standard tinggi.

"Syarat permit atau lesen bot perlu diperketatkan supaya insiden malang seperti di Pulau Banding semalam tidak berulang," katanya ketika ditemui pemberita ketika melawat tempat kejadian dan mangsa bot karam di Tasik Banding hari ini.

Sementara itu, sumber Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Hulu Perak berkata pengusaha bot di Pulau Banding, dipercayai beroperasi tanpa lesen.

Ini adalah kerana pejabat itu yang bertanggungjawab melesenkan bot yang beroperasi di tasik itu, tidak pernah menerima permohonan mendapatkan lesen sejak 1999.

Maklumat dari pejabat itu mendapati, kali terakhir lesen bot dikeluarkan ialah pada 1999 membabitkan sebuah syarikat, Warisan Banding Enterprise yang memiliki enam bot pengangkutan.

PTD Hulu Perak mengesahkan sejak 1999 tidak ada lagi permohonan mendapatkan lesen bot diterima daripada mana-mana individu, syarikat atau pengusaha bot yang menjadi medium pengangkutan penting di Pulau Banding.

Ketika ini, tiga syarikat menawarkan perkhidmatan bot terutama kepada pelancong dan peserta perkhemahan di Pulau Banding, selain antara lima hingga enam pengusaha individu yang menawarkan perkhidmatan yang sama.

"Masalah timbul apabila PTD Hulu Perak tidak mempunyai anggota penguatkuasaan dan tindakan pengawasan tidak dapat dibuat hingga memungkinkan ada pihak mengendalikan operasi perkhidmatan bot tanpa lesen," kata sumber itu ketika dihubungi di sini, hari ini.

Selain lesen daripada PTD, pengusaha berkenaan sepatutnya memohon lesen mengemudi bot dari Jabatan Laut.

Sementara itu, seorang pengusaha bot, Samsuri Dolah Ahmad, ketika dihubungi mendakwa pihak berkuasa memberi kelonggaran kepada pengusaha bot supaya beroperasi tanpa lesen dengan alasan kawasan Banding masih dalam proses pembangunan.

"Saya sudah mengemukakan permohonan mendapatkan lesen kepada PTD Hulu Kinta dua minggu lalu dan masih menanti proses kelulusan," katanya yang tidak menolak kemungkinan pengusaha bot lain juga tidak memiliki lesen.

Samsuri berkata, beliau memiliki tiga bot dan sering menawarkan perkhidmatan kepada pelancong termasuk mereka yang ingin memancing atau berkhemah di Lembah Belum.